



# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**  
**Wang Tak Dituntut (Pindaan) 1988**  
**DR.25/1988**

D.R. 25/88

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk meminda Akta Wang Tak Dituntut 1965.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Wang Tak Dituntut (Pindaan) 1988 dan hendaklah mula berkuat-kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk  
ringkas  
dan mula  
berkuat-  
kuasa.

2. Akta Wang Tak Dituntut 1965, yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, adalah dipinda dengan memotong seksyen 3.

Pemotongan  
seksyen 3.  
*Akta 74/65.*

3. Seksyen 7 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong tutup kurungan selepas perkataan “payment” dalam subseksyen (2) dan memasukkan tutup kurungan selepas sahaja perkataan “Account” pertama dalam subseksyen tersebut.

Pindaan  
seksyen 7.

Pindaan  
seksyen 8.

4. Seksyen 8 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memotong subseksyen (2) dan nombor subseksyen “(1)”;

(b) dengan menggantikan perenggan (c) dalam takrif “company” dengan yang berikut:

“(c) all corporations, public authorities and trade unions except such as may be declared by the Minister not to be a company to which this Part applies;”;

(c) dengan menggantikan takrif “owner” dengan yang berikut:

“ “owner” means the person entitled to any unclaimed moneys and includes his executors, administrators or assigns or, in the case of a company within the meaning of the Companies Act 1965, its liquidators, or his or their lawful attorney or agent in Malaysia;” dan

(d) dengan menggantikan takrif “unclaimed moneys” dengan yang berikut:

“ “unclaimed moneys” means—

(a) all principal and interest and all dividends, bonuses and profits and all salaries, wages and commissions and all fixed and other deposits and all sums of money whatsoever which are legally payable to the owner and have remained unpaid not less than twelve months after they have become payable;

(b) any moneys, including any interest whensoever paid thereon, to the credit of an account that has not been operated by the owner either by deposit or withdrawal for a period of not less than seven years; and

- (c) any moneys to the credit of a trade account that has not been operated by any transaction for a period of not less than two years.’.

5. Seksyen 10 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 10.

- (a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan yang berikut:

“(2) The company or firm shall annually, during the month of March, forward to the Director-General of Printing a copy of all such entries in the register, which shall include unclaimed moneys held up to the end of February of that year, for advertisement in the *Gazette*, for which no fee shall be payable.”;

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “four copies” dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan “two copies”;
- (c) dengan menggantikan perkataan “advertise” dalam subseksyen (5) dengan perkataan-perkataan “forward for advertisement”;
- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan “one thousand” dalam subseksyen (5) dengan perkataan-perkataan “three thousand”; dan
- (e) dengan menggantikan perkataan-perkataan “fifty ringgit” dalam subseksyen (5) dengan perkataan-perkataan “not less than fifty ringgit and not more than one hundred ringgit”.

6. Seksyen 11 Akta ibu adalah dipinda—

Pindaan  
seksyen 11.

- (a) dengan menggantikan perkataan-perkataan “advertisement under sub-section (2) of section 10” dalam subseksyen (1) dengan perkataan-perkataan “date of lodgement with the Registrar under sub-section (3) of section 10 of copies of entries in the register kept under sub-section (1) of that section”;

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “one thousand” dalam subseksyen (3) dengan perkataan-perkataan “three thousand”; dan

(c) dengan memasukkan, selepas sahaja subseksyen (4), subseksyen baru (5) yang berikut:

“(5) No interest shall be payable on unclaimed moneys held in the Consolidated Trust Account or the Consolidated Revenue Account under this section.”.

Pindaan  
seksyen 12.

**7. Seksyen 12 Akta ibu adalah dipinda—**

(a) dengan menggantikan noktah di hujung subseksyen (1) dengan koma, dan dengan memasukkan selepas itu perkataan-perkataan yang berikut:

“and where the Registrar or person authorised has reason to believe that the company or firm is not complying with the provisions of this Part, he may seize and detain any such book, register, record or document that may furnish evidence of such non-compliance.”; dan

(b) dengan menggantikan perkataan-perkataan “one thousand” dalam subseksyen (4) dengan perkataan-perkataan “three thousand”.

Pindaan  
seksyen 13.

**8. Seksyen 13 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan “may” dalam subseksyen (1) dengan perkataan “shall”.**

### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Akta Wang Tak Dituntut 1965 (yang selepas ini disebut “Akta”).

2. *Fasal 2* bertujuan memotong seksyen 3 Akta yang pada masa ini memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan Akta hendaklah dibaca dan ditafsirkan sebagai membantu dan bukan mengurangkan peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan pelupusan wang tak dituntut. Dengan memotong seksyen 3, semua syarikat dan

firma akan dikawal oleh Akta setakat mana ia berkenaan dengan pelupusan wang tak dituntut. Ini adalah juga untuk mencegah syarikat atau firma, termasuk bank, daripada memasukkan suatu fasal dalam kaedah-kaedah atau peraturan-peraturan mereka yang berhubungan dengan pelupusan wang tak dituntut yang berfaedah bagi mereka, seterusnya mengelak pemeriksaan Pendaftar Wang Tak Dituntut.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda suatu kesilapan gubalan dalam seksyen 7 Akta.

4. *Fasal 4* bertujuan meminda seksyen 8 Akta. Perenggan (a) bertujuan memotong subseksyen (2) seksyen 8 berbangkit dari pemotongan seksyen 3. Perenggan (b) bertujuan mengemukakan perenggan (c) baru dalam takrif "company". Perenggan (c) bertujuan meminda takrif "owner" untuk memasukkan, dalam hal suatu syarikat yang mengikut pengertian Akta Syarikat 1965, penyelesaiannya. Perenggan (d) bertujuan meminda takrif "unclaimed moneys" untuk memasukkan komisen, simpanan tetap dan lain-lain simpanan, dan apa-apa wang dalam kredit akaun dagangan yang telah tidak dikendalikan melalui apa-apa transaksi bagi tempoh tidak kurang daripada dua tahun.

5. *Fasal 5* bertujuan meminda seksyen 10 Akta. Perenggan (a) bertujuan mengemukakan subseksyen (2) baru. Di bawah subseksyen (2) baru, syarikat atau firma hanya dikehendaki mengemukakan kepada Ketua Pengarah Percetakan, setiap tahun, suatu salinan semua catatan wang tak dituntut dalam daftar bagi pengiklanan dalam *Warta*. Subseksyen baru ini juga memperuntukkan bahawa syarikat atau firma tidak dikehendaki membayar apa-apa fee bagi pengiklanan tersebut. Perenggan (d) dan (e) bertujuan meningkatkan penalti kerana ketakpatuhan.

6. *Fasal 6* bertujuan mengemukakan subseksyen (5) baru kepada seksyen 11 Akta yang memperuntukkan bahawa tiada apa-apa faedah kena dibayar ke atas wang tak dituntut yang disimpan dalam Akaun Amanah Disatukan atau Akaun Hasil Disatukan. Ia juga bertujuan meningkatkan denda dalam subseksyen (3) dari seribu kepada tiga ribu ringgit.

7. *Fasal 7* bertujuan meminda subseksyen (1) seksyen 12 Akta untuk memberi kuasa kepada Pendaftar atau orang yang diberikuasa untuk menyita dan menahan apa-apa buku, daftar, rekod atau dokumen yang boleh memberi keterangan mengenai ketakpatuhan kepada Akta. Ia juga bertujuan meningkatkan penalti dalam subseksyen (4) dari seribu kepada tiga ribu ringgit.

8. *Fasal 8* bertujuan menggantikan perkataan "may" dalam subseksyen (1) seksyen 13 Akta dengan perkataan "shall" untuk menjadikannya mandatori bagi Menteri mengarahkan bayaran

kepada pihak menuntut yang sebenar jika dia telah membuat apa-apa tuntutan bagi apa-apa wang tak dituntut dan wang tersebut telah dibayar ke dalam Akaun Hasil Disatukan.

9. Lain-lain pindaan yang dicadangkan kepada Akta yang tidak disebut secara khusus adalah pindaan-pindaan yang berbangkit atau kecil.

*IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 903.]

